

Saliran gagal tampung air

Pekan Lama Rawang banjir lagi

NORAFIZA JAAFAR

RAWANG - Pekan Lama Rawang di sini mengalami banjir kilat berulang malam kelmarin selepas kejadian sama berlaku Jumaat lalu.

Pengerusi Unit Bencana daerah Gombak, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, faktor cuaca tidak menentu dan taburan hujan luar jangka kelmarin menyebabkan sistem saliran gagal menampung kuantiti air hujan.

Menurutnya, masalah pengurusan sampah turut menyumbang kepada masalah banjir berulang itu.

"Banjir kilat surut selepas satu jam dan dianggarkan sebanyak 21 premis terlibat dalam kejadian itu. Majlis Perbandaran Selayang turut sama membantu membersihkan kawasan tersebut.

"Kesemua agensi terlibat telah dimaklumkan berkenaan bencana tersebut termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang boleh membantu dari segi ganti rugi atau sumbangan," katanya.

Beliau berkata, beberapa kawasan lain turut dinaiki air antaranya Kg Sepakat Bt 16 melibatkan enam rumah dan sebuah surau manakala di Sg Terentang melibatkan sebuah rumah.




Seorang pekerja kedai di sini menunjukkan paras ketinggian air sewaktu banjir kilat berlaku.

"Turut sama mengalami masalah kenaikan air akibat hujan lebat kelmarin adalah di Kg Tanjung melibatkan 30 rumah dan Sg Bakau sebanyak tiga unit.

"Kejadian banjir berulang juga didakwa disebabkan se-

buah projek pembangunan berhampiran yang memberikan kesan ke atas kawasan tanah rendah," katanya.

Nor Hisham berkata, jumlah kerugian akibat banjir dianggarkan setinggi satu meter itu masih dalam siasatan.



Air mulai surut sekitar jam tiga pagi kelmarin.